

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JULY 2017

'Tahanan politik hanya ketika era Tun M'

➔ Kerajaan mansuhkan ISA, lebih telus, terbuka dalam mendepani perbezaan: TPM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menampelak Laporan Negara Mengenai Keganasan 2016 dikeluarkan Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini, yang mendakwa Kerajaan Malaysia menggunakan undang-undang keselamatan bagi menangkap ahli politik yang menentang kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, penahanan politik di negara ini hanya berlaku ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri dengan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya, ISA dimansuhkan ke-

tika pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Yang ada tangkapan politik, ketika zaman Dr Mahathir sahaja... termasuk saya turut kena pada 1998.

"Zaman Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi) dan sekarang ini zaman Najib tiada tangkapan semata-mata kerana perbezaan politik, ertinya kerajaan kita lebih telus lagi terbuka dalam mendepani perbezaan politik," katanya pada sidang media selepas perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, semalam.

Beliau mengulas Laporan Negara Mengenai Keganasan 2016 AS yang diterbitkan pada 20 Julai lalu, antara lain mendakwa Malaysia menggunakan undang-undang keselamatan untuk menangkap, menjarakan, mengganggu, mena-

kutkan pengkritik dan pembangkang.

Terbuka benar perhimpunan

Dalam perkembangan lain, Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kerajaan terbuka untuk membenarkan sebarang perhimpunan selagi ia mematuhi Akta Perhimpunan Aman, termasuk syarat notis dan lokasi yang ditentukan.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai dakwaan Dr Mahathir bahawa perhimpunan yang akan diadakan pakatan pembangkang pada 14 Oktober nanti dijangka dihadiri ribuan peserta, selain menafikan kerajaan Barisan Nasional (BN) akan tergugat dengannya.

Ahmad Zahid turut menampelak bekas Perdana Menteri itu yang

sebelum ini menentang sebarang rapat umum atau perhimpunan ketika menjadi Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.

"Kini bila berada di seberang sana, beliaulah penganjur utama, namun saya fikir jika seseorang itu ada di situasi dan waktu yang berbeza, orang itu tidak ada prinsip, seseorang yang ada prinsip, walau di mana pun berada, sama ada mempunyai kedudukan atau tidak lagi mempunyai kedudukan, prinsip itu harus dipertahankan.

"Sebelum ini pun perhimpunan Bersih pernah dilakukan beberapa kali dan kita tidak rasa perhimpunan ini akan menyebabkan majoriti senyap bersama-sama dengan mereka, sebaliknya kita harap sokongan majoriti senyap ini kepada kerajaan yang memerintah," katanya.

BH-26/7/2017 pg. 4